



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan

Oleh [Latifah Arifin](#) - Jun 22, 2021 @ 12:25am

latifah@bh.com.my



Warga emas ditempatkan di ruang pemantauan selepas menerima suntikan sebelum dibenarkan pulang di Masjid Al-Azim, Melaka yang dijadikan PPV Khas. - NSTP/SYAFEEQ AHMAD

KUALA LUMPUR: Warganegara Malaysia berusia 60 tahun ke atas masih diberi keutamaan janji temu mendapatkan vaksin menerusi Fasa Dua Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) walaupun pelalian fasa ketiga dipercepatkan.

Penasihat Sains kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Prof Madya Dr Mohd Ghows Mohd Azzam, berkata semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) masih memperuntukkan janji temu untuk golongan sasaran dalam Fasa Dua.

"Kita memulakan Fasa Tiga PICK di Lembah Klang hari ini dengan pembukaan PPV di Stadium Nasional Bukit Jalil.

"Ini bukan bermakna kita berhenti memberi suntikan vaksinasi kepada mereka dalam Fasa Dua.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Pinda tarikh suntikan vaksin akan dibincang](#)
- [Operasi PPV di Pusat Dagangan Dunia lancar hari ini](#)

TERKINI


PILIHAN PEMBACA

- 4m [Juri FFM31 nilai 90 filem](#)
- 4m [Pilih calon guru berkualiti didik generasi baharu negara](#)
- 5m [Pelan Pemulihan Negara suntik pengukuhan ekonomi](#)
- 6m [MAQIS tahan makanan tambahan haiwan dari Korea Selatan](#)
- 15m [Bursa Malaysia dibuka tinggi](#)
- 21m [Pinda Akta DBP 1959 untuk daulatkan bahasa Melayu](#)
- 26m [Polis Manchester tahan aktivis pro-Palestin](#)
- 28m [Ringgit dibuka tinggi berbanding dolar AS](#)

- **'Ada warga emas tak mahir guna MySejahtera'**
- **Penerima vaksin AstraZeneca puji kecekapan petugas imunisasi**

"Kita masih memberi banyak janji temu kepada Fasa Dua, malah 707,000 janji temu dikeluarkan untuk tempoh hari ini hingga 30 Jun.

"Daripada jumlah itu, 253,000 janji temu untuk individu berusia 60 tahun ke atas, manakala 220,000 lagi bagi individu berusia antara 50 hingga 59 tahun.



"Insya-Allah, kita akan habiskan vaksinasi bagi Fasa Dua secepat mungkin," katanya ketika diundang sebagai panel program 'Ruang Bicara' bertajuk 'Fasa Ketiga Perisai Imuniti' yang disiarkan secara langsung menerusi BERNAMA TV, hari ini.

Mohd Ghows berkata, PPV mega di Stadium Nasional Bukit Jalil dikhususkan untuk penerima Fasa Tiga, berikutan logistiknya kurang sesuai untuk penerima dalam kalangan warga emas.

Katanya, lokasi itu memerlukan mereka berjalan agak jauh dan naik serta turun tangga.

Mengulas jika wujud keperluan mewajibkan suntikan vaksin COVID-19, beliau yang juga pensyarah kanan Pusat Pengajian Sains Biologi Universiti Sains Malaysia (USM), berkata ia belum perlu kerana bilangan yang mendaftar adalah tinggi.

"Kita sudah melepasi 15 juta pendaftaran untuk vaksinasi dan ini merangkumi 64 peratus daripada penduduk berumur 18 tahun ke atas.

"Justeru, Malaysia boleh mencapai sekitar 65 peratus (yang berdaftar), soal sama ada perlu buat mandatori atau tidak perlu dilihat dulu kerana apabila makin ramai orang dapat vaksin, makin ramai yang mendaftar," katanya.


Beliau berkata, sistem sedia ada tidak termasuk penduduk di pedalaman yang ingin divaksinasi tetapi mempunyai kekangan seperti akses terhad kepada internet, sekali gus belum mendaftar melalui MySejahtera.

"Apabila dilaksanakan program 'outreach' dan keluar ke kampung, ada jururawat naik bot dua tiga jam untuk ke kawasan pedalaman, maka penduduk ini sebenarnya mahu mendapatkan vaksin.

"Kalau dimasukkan kumpulan ini, kadar pendaftaran sebenarnya lebih tinggi," katanya.

Apabila bekalan vaksin melebihi permintaan pada Julai atau Ogos ini, katanya, keperluan mewajibkan vaksinasi boleh dilihat semula.

"Saya harap tidak perlu ke tahap mandatori ketika ini kerana rakyat



VAKSIN



AMERIKA 3 jam yang lepas
Longgar sekatan perjalanan warga Kanada selesai divaksin



NASIONAL 11 jam yang lepas
Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:43pm
PPV Stadium Bukit Jalil beroperasi penuh seminggu lagi



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:22pm
Vaksin CanSino satu dos guna untuk golongan pelarian



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 3:33pm
Tindakan EU, AS bolot vaksin jejas usaha Malaysia percepat imunisasi



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 2:40pm
3.2 juta penduduk dapat vaksin penuh Julai ini

TRENDING




BOLA 2 jam yang lepas
EURO: Hamann sifatkan Ronaldo 'bodoh' tunjuk kemahiran



BOLA 3 jam yang lepas
Ronaldo, Messi bergabung di Barcelona?



BOLA 4 jam yang lepas
EURO: Penonton ceroboh padang, iklan wang kripto



BOLA Jun 21, 2021 @ 8:16pm
Nike bayar Ronaldo RM845 juta

Malaysia bijak melihat vaksin ini berkesan dan tidak perlu memaksa mereka.

Mengenai cadangan kelonggaran merentas negeri yang mungkin memberi suntikan semangat untuk rakyat Malaysia menyokong PICK, beliau berkata, ia mungkin dikaji oleh Kementerian Kesihatan (KKM) bulan depan apabila bekalan vaksin diterima mula meningkat.

"Kita lihat Thailand nak buka Phuket kepada individu yang sudah divaksinasi dan lebih 70 peratus penduduk di sana sudah divaksin," katanya.



SELEBRITI Jun 21, 2021 @ 6:09pm
Rita nak bersara, hantar anak sekolah tahfiz

MYRESIPI



TIPS & AMP; PETUA
Jun 21, 2021 @ 2:16pm
Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!



RESEPI Jun 21, 2021 @ 2:15pm
Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam



TIPS & AMP; PETUA
Jun 18, 2021 @ 3:12pm
Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini



RESEPI Jun 18, 2021 @ 3:10pm
Hanya Guna Puff Pastry, Ini Resepi Tat Telur Portugis Ala Bakers Cottage!



TIPS & AMP; PETUA
Jun 17, 2021 @ 3:16pm
Petua Menghasilkan Kuih Bom Inti Kacang Yang Cantik & Tidak Meletup Semasa Digoreng

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Jun 20, 2021 @ 8:05pm
Pelalian fasa ketiga dipercepat



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:43pm
PPV Stadium Bukit Jalil beroperasi penuh seminggu lagi



NASIONAL Mei 26, 2021 @ 1:08pm
Mereka gagal hadir janji temu diganti individu lain



NASIONAL Jun 5, 2021 @ 11:23am
Ucapan Perdana Menteri berhubung perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Disyorkan untuk anda

Recommended by

Indonesia posts record daily COVID-19 cases...
Nikkei Asia

Hungary's plans for Chinese university camp...
Nikkei Asia

Where Do The Richest Americans Live?
Mansion Global

21 Female Celebs Who Are Way Taller Than...
Parentsdom Galleries

Dental Implants in Malaysia in 2021 Might Be Cheap...
Dental Implants | Searc...

Malaysia: New "Lung Cleaning" Device Is Going...
AirPhysio Breathing Tr...

Your IQ Is 142 If You Get 15/20 On This General...
TooCool2BeTrue

Why Is Everyone in Malaysia Snapping Up Thi...
Heatwave Reporter



IKUTI KAMI DI:



BERITA

- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

SUKAN

- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

LANGGAN

- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)